

Hari 11 | Orang Ismailiyah

Setia kepada Pemimpin



“Kita mempunyai tanggungjawab untuk

membuat Dunia ini satu tempat yang lebih baik!” – Duli Yang Maha Mulia Putera Karim Aga Khan IV. Kepada pengikut-pengikutnya, Putera Karim Aga Khan IV bukan setakat pemimpin mereka, beliau adalah keturunan Nabi Muhammad melalui salasilah Ali dan Fatima, anak perempuan Nabi Muhammad. Pengikut-pengikut Nabi Muhammad yang berjumlah 18 juta ini mendiami lebih daripada 25 negara, dari Asia, Afrika, Timur Tengah dan Eropah sehinggalah ke Amerika Utara. Walaupun asal-usul kebanyakan orang Ismailiyah adalah dari India,

bahasa utama mereka kini adalah bahasa Inggeris. Datuk kepada Aga Khan telah menggalakkan masyarakatnya memandang ke Barat, dan ibu pejabat cucunya telah berpindah dari negara India ke Paris di Eropah.

Sebagai Imam dan pemimpin agama orang Ismailiyah Syi’ah, beliau mempunyai kuasa yang menyeluruh ke atas semua pengikutnya. Aga Khan mementingkan kebajikan semua orang Muslim dan terutamanya orang-orang Ismailiyah yang menghadapi cabaran kehidupan moden.



Oleh itu, beliau telah menumpukan hidupnya kepada usaha mempertingkatkan kualiti kehidupan bagi “keluarganya” yang beraneka budaya dan beraneka bangsa. Bahkan beliau menggelar pengikut-pengikutnya ‘anak-anak rohaninya’. Perasaan kekeluargaan di kalangan komuniti Ismailiyah begitu kuat sehingga gambar Aga Khan bukan hanya diletakkan di setiap kedai dan pejabat bahkan gambar beliau dan keluarganya disimpan di dalam album gambar setiap keluarga Ismailiyah.

Kehidupan rohani dan juga kebanyakan kehidupan sosial komuniti Ismailiyah mengambil tempat di dalam ‘Jamaatkhana.’ Ia lebih merupakan pusat komuniti daripada masjid. Orang Ismailiyah berdoa tiga kali sehari dan bukan lima kali, dan tidak mengamalkan postur sembahyang Muslim yang lazim digunakan; bahkan anda dapat mengesan unsur-unsur India dan Hindu di dalam gaya sembahyang mereka.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah agar orang-orang Ismailiyah akan menjadi haus akan kerohanian, agar mereka akan menemui hidup dalam Kristus.*
- *Berdoalah bagi cara-cara yang sensitif dari segi kebudayaan untuk menjangkau orang-orang Ismailiyah, di mana sahaja mereka berada, melalui persahabatan dengan orang-orang percaya.*



➤ *Berdoalah bagi keberanian dan kesensitifan bagi bilangan kecil orang-orang Ismailiyah yang percaya. Kebanyakan mereka telah dipulaukan oleh masyarakat dan kadang kala juga keluarga-keluarga mereka.*

MERENTASI JURANG

Salah satu tujuan utama Aga Khan, yang telah dididik di Harvard, adalah untuk

merentasi jurang di antara kepercayaan Islam dan masyarakat Barat. Selaku salah satu di antara orang yang terkaya di dunia, dia menggunakan kekayaan dan pengaruhnya untuk memulakan projek-projek kemanusiaan. Rangkaian Pembinaan Aga Khan (Aga Khan Development Network) ialah sekumpulan institusi yang mementingkan pendidikan, kesihatan, kemajuan ekonomi, dan kebudayaan di Asia dan Afrika.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

